

18 FEB 1999

Reuters-maaf

REUTERS MOHON MAAF KEPADA TUN DAIM

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Agensi berita antarabangsa Reuters telah memohon maaf kepada Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin kerana menyiarkan satu rencana yang menurut menteri itu menggambarkan bahawa beliau telah mengumpulkan harta dengan menyalahgunakan kedudukan politiknya.

Dalam satu kenyataan hari ini, Reuters berkata Daim telah menghubungi agensi berita itu berhubung satu rencana yang disiarkan pada 8 Jan bertajuk "Malaysia's Daim lends PM a helping hand again" (Daim sekali lagi menghulur bantuan kepada PM).

Mengikuti Daim rencana itu menggambarkan bahawa beliau telah mengumpul kekayaan peribadi dengan menyalahgunakan kedudukan politiknya, kata Reuters.

"Kami ingin menjelaskan di sini bahawa bukan menjadi tujuan kami untuk mengutarakan gambaran sedemikian," menurut Reuters.

"Kami menerima hakikat bahawa Tun Daim sememangnya kaya dan seorang ahli perniagaan yang berjaya sebelum beliau menjawat jawatan politik, satu fakta yang jelas terkandung dalam rencana itu.

"Kami memohon maaf kepada Tun Daim sekiranya rencana itu telah memalukan beliau."

Permohonan maaf oleh Reuters itu dibuat berikutan tindakan saman oleh beberapa tokoh tempatan baru-baru ini terhadap pencetak dan penerbit kerana dakwaan fitnah.

Mirzan Mahathir, pengerusi Konsortium Perkapalan dan anak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini mengemukakan saman RM150 juta terhadap pencetak Asian Wall Street Journal (AWSJ) di Malaysia kerana dakwaan fitnah.

Tindakan terhadap Star Papyrus Printing Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Star Publications (penerbit akhbar harian The Star), adalah berhubung sebuah rencana yang disiarkan AWSJ pada 4 Jan 1999.

Ahli perniagaan Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun juga telah menyaman Star Papyrus sebanyak RM200 juta berhubung sebuah rencana AWSJ pada 21 Dis 1998.

Dr Mahathir sendiri telah disaman sebanyak RM100 juta oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana dakwaan fitnah.

Anwar, yang kini dibicarakan atas dakwaan rasuah, mendakwa bahawa Dr Mahathir telah mengutarakan perkataan fitnah terhadapnya kepada wartawan tempatan dan asing di pejabat Perdana Menteri pada 22 Sept tahun lepas.

Sementara itu, setiausaha agung DAP Lim Kit Siang dalam satu kenyataan hari ini berkata beliau telah mengarahkan peguamnya supaya mengemukakan saman malu "berjuta-juta ringgit" Selasa depan terhadap Utusan Malaysia.

Lim mendakwa bahawa sebuah laporan berita yang disiarkan oleh Utusan Malaysia pada Sabtu (13 Feb) telah mengaibkannya.

Lim juga mengulas mengenai komentar Mingguan Malaysia berhubung "kegilaan menyaman" dan berkata ia bukan dimulakan oleh parti pembangkang tetapi mula menjadi satu budaya parti pemerintah.

Beliau merujuk kepada keputusan Majlis Tertinggi Umno untuk mengadakan satu panel peguam bagi mengambil tindakan terhadap mereka yang membuat kenyataan fitnah dan tidak berasas bertujuan memburuk-burukkan pemimpin parti dan kerajaan.

-- BERNAMA

SJ RN AKD